

19/01/2003

Pelbagai pihak sokong saranan Dr M

KUALA LUMPUR: Pelbagai pihak termasuk pemimpin Umno peringkat negeri akur dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya pemimpin parti yang tidak mampu menjalankan tanggungjawab harus berundur dan melepaskan jawatan.

Mereka menyifatkan kenyataan Presiden Umno itu kelmarin, sebagai realistik dan kena pada masanya dalam usaha Umno membuat perubahan kepemimpinan menjelang pilihan raya umum tahun ini atau selewat-lewatnya tahun depan.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata kenyataan Dr Mahathir itu adalah sesuatu yang realistik dan

baik kerana tiada satu pun di dunia ini yang kekal, termasuk manusia.

"Pepatah Melayu juga ada menyatakan, patah tumbuh hilang berganti. Namun, saya percaya mereka yang menjadi pengganti akan tetap meneruskan kesinambungan perjuangan parti.

"Perdana Menteri pernah berkata tidak ada pemimpin yang boleh menongkat langit dan saya percaya beliau ikhlas ketika memberikan pandangan itu," katanya, selepas merasmikan Program Gotong-Royong Perdana Membasmi Aedes di Taman Kiara, di Seremban, semalam.

Mohd Isa berkata, sekalipun ada pemimpin yang berundur atau bertukar apa yang penting ialah mengekalkan perpaduan parti bagi memastikan Umno dan Barisan Nasional terus memenangi pilihan raya.

"Pemimpin yang berundur atau melepaskan jawatan pula harus memberikan sokongan dan kerjasama kepada pengganti dan proses ini mesti berjalan secara berterusan.

"Pada masa yang sama, rakyat dan ahli parti perlu memahami keadaan ini dan menentukan proses pertukaran pemimpin berjalan dengan baik," katanya.

Di IPOH, Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata beliau sedia membuat rombakan jika presiden parti mengarahkannya berbuat demikian.

"Saya sedia menerima keputusan jika ada lampu hijau untuk rombakan, kita akan buat. Setakat ini saya puas hati dengan pasukan saya. Bagaimanapun, mungkin kita selesa tetapi Presiden berfikir sebaliknya demi kemenangan parti dalam pilihan raya umum nanti.

"Kita ini seperti pasukan bola dan saya sebagai kapten tidak perasan kelemahan anggota tetapi dari luar seperti pengurus tentu dapat melihat kelemahan itu," katanya di Ipoh, semalam.

Kali terakhir rombakan Badan Perhubungan Umno negeri itu adalah pada 2001.

Beliau juga yakin kepada kemampuan gabungan muka baru dan lama dalam rombakan Umno Kelantan.

"(Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat kata dia tidak gentar dengan muka baru tetapi dia mesti ingat yang penting idea dan sokongan yang akan diberikan kepada mereka.

"Saya harap semua akan memberi sokongan kepada jawatankuasa baru itu supaya mereka dapat merampas semula Kelantan," katanya.

DI KUALA TERENGGANU, Badan Perhubungan Umno Terengganu bersetuju sekiranya perubahan kepemimpinan parti dilakukan di negeri itu bagi mengukuhkan parti sebagai persiapan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Idris Jusoh, berkata pihaknya menerima sebarang perubahan yang diputuskan oleh pucuk pimpinan parti.

"Kita (Umno) bersedia dan sanggup berubah untuk memastikan Umno sentiasa relevan.

"Umno tidak takut kepada perubahan sekiranya tindakan itu untuk menjamin kebaikan rakyat di negeri ini," katanya.

Bagaimanapun, katanya Umno negeri perlu menunggu keputusan daripada Pengerusi Badan Perhubungan Terengganu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau yang turut ditanya kemungkinan Badan Perhubungan Umno Terengganu akan menyaksikan rombakan, berkata: "Saya pasti akan berlaku (perubahan)."

Idris mengakui tiada satu pun yang kekal di dalam parti dan jika perubahan dilakukan bertujuan untuk kebaikan rakyat.

Katanya, perubahan dalam Umno Kelantan itu perlu dilihat dari aspek positif dan begitu juga Umno Terengganu yang mahukan pemimpin yang memiliki ciri MAP atau peta iaitu mempunyai akhlak baik, berpendidikan dan berwibawa.

"Rakyat memerlukan perubahan pucuk pimpinan dan tiada sebab dilihat daripada aspek negatif," katanya.

Ditanya kemungkinan perlu diwujudkan gabungan antara muka baru dan lama, Idris berkata gabungan perlu bagi membolehkan pengalaman diserapkan untuk perjuangan parti.